

Keutamaan kini projek santuni rakyat, beri faedah langsung - PM

Tiada lagi bangunan pencakar langit

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.rriy

KUALA LUMPUR: Malaysia sudah tidak memerlukan pembinaan bangunan pencakar langit, sebaliknya tumpuan kini adalah kepada projek yang memberi manfaat langsung kepada ke-

hidupan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau tidak mahu negara ini hanya bermegah-megah dengan banyaknya bangunan pencakar langit.

Katanya, sebab itu projek-projek seperti itu bukan lagi keutamaan, kerana Malaysia

sudah mempunyai banyak bangunan tinggi dan fokus kini adalah menyantuni rakyat seperti menaik taraf gerai, warung, restoran kecil dan jaga kebersihan.

Beliau memberi jaminan kadar peningkatan ringgit yang dicatatkan negara kini akan disumbang semula kepada rakyat.

“Apa erti kekuatan wang ringgit dan pelaburan banyak masuk tetapi tidak memberi faedah langsung pada rakyat? Sebab itu sejak awal lagi saya tekankan kita mesti beri penekanan kepada projek-projek yang santuni rakyat.

Bersambung di muka 2